

# DEDAH TEKNIK HIDROPONIK

**Ruhaiza Rusmin**

[ruhaizarusmin@hmetro.com.my](mailto:ruhaizarusmin@hmetro.com.my)

**Program** Khidmat Masyarakat Seksyen 3 dengan kerjasama Pusat Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menganjurkan 'Program Keusahawanan Sebagai Kerjaya Pilihan dan Teknik Tanaman Hidroponik' di Kampung

Sungai Lurus, Senggarang, Johor, baru-baru ini.

Bagi mencapai hasrat komuniti Kampung Sungai Lurus mendapatkan input terbaik untuk memulakan perniagaan dalam bidang keusahawanan dan teknik tanaman organik, teknik pengurusan perniagaan antara elemen penting yang diberi penekanan dalam program itu.

Seramai 50 peserta daripada golongan belia dan warga emas menyertai taklimat itu.

Program itu dilaksanakan melalui dua slot iaitu Taklimat Keusahawanan Sebagai Kerjaya Pilihan oleh penceramah daripada Pusat Bekam Klinikal Batu Pahat dan Demonstrasi Tanaman Hidroponik yang dikendalikan siswa UTHM.

Kedua-dua slot ini disusun untuk memberi pendedahan kepada penduduk mengenai teknik pengurusan perniagaan dan teknik tanaman hidroponik.

Majlis penutup program berlangsung di SK Koris dan disempurnakan Setiausaha Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senggarang Yusla Ismail, "Penganjuran

program seperti ini dapat mendekatkan masyarakat setempat dengan warga UTHM. Diharap perkongsiaan ilmu seperti ini akan diteruskan pada masa depan bagi membantu menjana ekonomi setempat," katanya.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UTHM, Profesor Dr Wahid Razzaly.



SISWA UTHM bergambar kenangan bersama penduduk kampung yang menyertai program.



ANTARA warga UTHM yang terbabit dalam program.